

## BATASAN PERGAULAN MENURUT ISLAM DALAM KALANGAN PEKERJA

A'dawiyah Ismail  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam  
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.  
Emel: ada@ukm.edu.ukm.my

Farah Madiah Mokhtar  
Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.  
Emel: madyah5204@gmail.com

### ABSTRAK

*Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan adalah antara punca kepada perbuatan yang tidak sopan. Islam melarang perbuatan tersebut kerana sifatnya yang cenderung merapatkan hubungan antara lelaki dan perempuan ajnabi, boleh mendorong pasangan tersebut berkelakuan tidak sopan, berkhawat dan berkemungkinan besar terjerumus dengan penzinaan. Maka atikel ini akan membincangkan kefahaman batasan pergaulan menurut Islam dalam kalangan pekerja di Celcom Temerloh. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif berbentuk kajian tinjauan. Kajian ini dijalankan ke atas 30 pekerja yang dipilih melalui persampelan rawak mudah. Data-data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis menggunakan program dalam perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0. Dapatan kajian ini dapat memberi pendedahan ilmu tentang batasan pergaulan menurut Islam dan dapat memberikan lebih kefahaman mengenai batasan pergaulan menurut Islam. Para pekerja haruslah menjaga batasan pergaulan masing-masing demi mengelakkan daripada sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku.*

Kata kunci: Batasan, pergaulan, Islam, pekerja

### PENGENALAN

Pergaulan atau *ikhtilat* membawa maksud pergaulan atau percampuran antara lelaki dan wanita ajnabi di satu tempat iaitu berlaku interaksi dalam bentuk perbuatan di antara seseorang dengan yang lain. Batasan pergaulan adalah had yang perlu dipelihara semasa pergaulan seperti menundukkan pandangan, menutup aurat antara ajnabi dan sebagainya. Pergaulan menurut Islam adalah satu komunikasi berlandaskan al-Quran antara lelaki dan perempuan yang berbeza jantina. Percampuran antara lelaki dan perempuan yang mendedahkan mereka antara satu sama lain dikenali sebagai *ikhtilat* (Sofiah 2013). Pengertian *ikhtilat* membawa maksud kepada berdua-duaan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram di tempat terbuka yang berkemungkinan akan terjadinya suatu hubungan antara keduanya sama ada dengan pandangan, isyarat ataupun perkataan (Nur Syahidah 2012). Pergaulan bebas ialah apabila lelaki dan perempuan tidak menjaga batasan pergaulan antara satu sama lain. Pergaulan bebas sering berlaku di luar rumah, tempat awam, tempat kerja jika ia dianggap satu perkara yang biasa.

Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan adalah antara punca kepada perbuatan yang tidak sopan. Islam melarang perbuatan tersebut kerana sifatnya yang cenderung merapatkan hubungan antara lelaki dan perempuan *ajnabi*, boleh mendorong pasangan tersebut berkelakuan tidak sopan, berkhawat dan berkemungkinan besar terjerumus dengan penzinaan (Ainul Bashirah 2012). Akibat berleluasanya pergaulan bebas di Malaysia akan turut menyumbang kepada penularan HIV. Malaysia adalah antara negara yang ramai menghidap penyakit HIV. Menurut laporan yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia adalah salah satu daripada sepuluh negara yang menyumbang lebih 95% daripada semua jangkitan baru HIV di rantau Asia Pasifik (Vathani 2017). Seramai 92,895 penduduk dianggarkan telah dijangkiti penyakit HIV di Malaysia sejak 1985- 2015, 86% daripada jumlah ini disumbangkan oleh golongan lelaki (Ministry of Health Malaysia 2016).

Dalam satu kajian berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi rogol dan zina berpunca dari pergaulan bebas. Pada 2013, statistik berhubung rogol dan zina yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan berbanding pada 2012 hanya 3,700 kes iaitu peningkatan sebanyak 4,116 kes (Harian Metro 2015).

Institusi keluarga melalui peranan ibu bapa hendaklah mengajar ahli keluarga mengenai penjagaan batasan pergaulan sejak dari kecil lagi. Hal ini kerana, apabila mereka meningkat dewasa, mereka akan lebih berhati-hati dalam pergaulan tambahan di tempat kerja. Awang Nazarudin (2017) membicarakan faktor berlaku pergaulan bebas ialah pelajar atau remaja terlibat dalam keruntuhan akhlak dan kurang pendidikan agama hingga menjadikan iman lemah. Bagi pelajar muslim perlulah mengenalpasti segala kekurangan yang ada pada diri dan sentiasa muhasabah diri sebagai persediaan untuk menghadapi arus pembangunan yang berkembang pantas dengan kewujudan pelbagai ciptaan sains dan teknologi yang berleluasa sehingga berlakunya keruntuhan akhlak dan gejala sosial semakin meningkat seperti zina dalam kalangan pelajar.

Perbuatan zina adalah haram di sisi agama Islam. Malahan tegahan mahupun larangan dalam Islam bukanlah bersifat emosional semata-mata tetapi terdapat rasional yang boleh dinilai bersama. Semua agama di dunia khususnya agama samawi bersetuju menerima bahawa zina merupakan suatu perlakuan keji serta boleh menyumbang kepada pelbagai musibah pada individu dan

masyarakat yang menjadikannya sebagai suatu budaya (Nazirah 2015). Sudah menjadi ketetapan Islam bahawa jika ia mengharamkan suatu perkara, maka ia akan menutup semua celah dan jalan yang menuju ke arah perkara tersebut. Islam juga mengharamkan semua perkara yang menjadi penghubung berlakunya perzinaan. Semua aspek yang boleh merangsang nafsu seks, menimbulkan fitnah, menggoda, dan pelbagai aspek yang mendekati berlakunya perzinaan adalah diharamkan oleh Islam (Salasiah 2017).

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah sesuatu yang dirancang oleh pengkaji dan dikembangkan melalui pengisian pada semua aspek dalam prosedur reka bentuk yang dipilih (Ahmad Munawar 2018). Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan iaitu rawak mudah dengan menggunakan borang kaji soal selidik bagi pengumpulan data. Kajian tinjauan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kajian tinjauan menggunakan soal selidik dan kajian tinjauan menggunakan temuduga (Ahmad Munawar 2018). Soal selidik menjadi instrumen untuk mendapatkan maklumat daripada responden dengan mengemukakan soalan-soalan yang telah disediakan dan disusun dalam bentuk formal dan sistematik.

Pengumpulan data soal selidik dimulai dengan proses pemilihan sampel pekerja-pekerja di Celcom Temerloh. Kajian ini dijalankan ke atas 30 pekerja yang dipilih melalui persampelan rawak kelompok. Data-data yang diperolehi daripada soal selidik kemudian dikodkan dan data-data tersebut dianalisis menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0. Kelebihan menggunakan SPSS adalah membolehkan data kuantitatif dianalisis dengan pantas dan mudah dipilih (Ahmad Munawar & Shahizan Ali, 2018). Kajian ini menggunakan statistik deskriptif untuk menganalisis data.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

### Latar Belakang Responden

Kajian ini dijalankan ke atas 30 orang pekerja di Celcom Temerloh, Pahang. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 11 orang (37%) perempuan dan 19 orang (63%) lelaki. Majoriti umur responden adalah dalam lingkungan umur 20-29 tahun. Sejumlah 13 orang responden (44%) berumur antara 20-29 tahun, 10 orang (33%) 30-39 tahun dan 7 orang (23%) pekerja berumur 40-49 tahun. Majoriti tahap pendidikan responden adalah peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 20 orang (67%), 5 orang (17%) Diploma dan 3 orang (10%) pekerja pendidikan pada tahap SPM dan 2 orang (6%) responden pada peringkat Ijazah Sarjana. Pendapatan responden menunjukkan sejumlah 10 orang (34%) RM5,000 ke atas, 13 orang (43%) RM3,000 hingga RM4,000 dan 7 orang (23%) gaji RM2,000 hingga RM3,000. Majoriti gaji responden ialah RM3,000 hingga RM4,000. Responden dipilih bekerja di bahagian *Network, Sales, Planning, Transmission, Accounting dan Customer Service*. Seramai 15 orang responden (50%) pekerja yang bekerja di bahagian *Network*, 3 orang (10%) di bahagian *Sales*, 2 orang (7%) pekerja di bahagian *Planning* dan di bahagian *Transmission* seramai 2 orang (7%), di bahagian *Accounting dan Customer Service* pula, kedua-dua bahagian tersebut seramai 4 orang (13%). Berdasarkan pengalaman bekerja majoritinya bekerja selama 5 tahun iaitu seramai 7 orang (23%). Minoriti pengalaman responden bekerja adalah selama 5 bulan iaitu hanya 2 orang (7%) sahaja. Seramai 3 orang (10%) bekerja selama 2 bulan, 5 orang (17%) bekerja 2 tahun, 6 orang (20%) bekerja selama 3 tahun, 3 orang (10%) bekerja selama 7 tahun dan seramai 4 orang (13%) pekerja bekerja selama 10 tahun.

### Kefahaman Pekerja Terhadap Batasan Pergaulan Menurut Islam

Setiap individu muslim hendaklah memahami pengertian batasan pergaulan menurut Islam. Batasan pergaulan ini mestilah dijaga oleh setiap individu samaada yang berpangkat tinggi ataupun rendah kerana sangat penting dalam kehidupan. Oleh itu setiap manusia perlu mengambil berat mengenainya. Batasan pergaulan bermaksud menjaga pergaulan seperti menundukkan pandangan, menutup aurat dan sebagainya. Pengertian ikhtilat membawa maksud kepada berdua-duaan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram di tempat terbuka yang berkemungkinan akan terjadinya suatu hubungan antara keduanya sama ada dengan pandangan, isyarat ataupun perkataan (Nur Syahidah 2012).

Bagi mengenalpasti tahap kefahaman pekerja terhadap batasan pergaulan menurut Islam dalam kalangan pekerja Celcom tersebut, analisis dilakukan bagi melihat kekerapan, peratusan dan min. Berikut adalah perincian bagi kekerapan, peratusan dan min bagi tahap kefahaman pekerja terhadap batasan pergaulan menurut Islam.

Jadual 1: Kefahaman Pekerja Terhadap Batasan Pergaulan Menurut Islam

Bil	Item				Kekerapan & Peratusan (%)					Min
	STS	TS	TP	S	SS					
1.					0	0	2	3	25	4.77
					(0.0)	(0.0)	(6.7)	(10.0)	(83.3)	
2.					0	1	3	10	16	4.37
					(0.0)	(3.3)	(10.0)	(33.3)	(53.3)	
3.					0	4	2	11	13	4.10
					(0.0)	(13.3)	(6.7)	(36.7)	(43.3)	
4.					0	0	0	3	27	4.90
					(0.0)	(0.0)	(0.0)	(10.0)	(90.0)	

(yang boleh berkahwin)						
5. Saya tidak bersentuhan dengan orang yang bukan mahram di tempat kerja	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (13.3)	11 (36.7)	15 (50.0)	4.37
6. Menutup aurat di tempat kerja menghalang daripada berlaku pergaulan bebas	0 (0.0)	3 (10.0)	0 (0.0)	10 (33.3)	17 (56.7)	4.37
7. Saya menjaga batasan pergaulan dengan menundukkan pandangan	0 (0.0)	2 (6.7)	5 (16.7)	13 (43.3)	10 (33.3)	4.03
8. Pergaulan bebas berlaku apabila tidak menjaga batasan pergaulan	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (6.7)	14 (46.7)	14 (46.7)	4.40
9. Kesan pergaulan bebas akan mewujudkan pelbagai gejala sosial yang berleluasa (seperti gangguan seksual, kelahiran anak tidak sah taraf dan lain-lain)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (6.7)	28 (93.3)	4.93

Jadual 1 menunjukkan kefahaman pekerja terhadap batasan pergaulan menurut Islam. Pada item terakhir iaitu yang kesembilan “Kesan pergaulan bebas akan mewujudkan pelbagai gejala sosial yang berleluasa (seperti gangguan seksual, kelahiran anak tidak sah taraf dan lain-lain)” menunjukkan tahap min yang paling tinggi iaitu pada 4.93. Ini kerana sebanyak 100% majoriti responden yang bersetuju dengan item ini. Responden yang menyatakan setuju adalah hanya 2 orang bersamaan dengan (6.7%) dan selebihnya menyatakan sangat setuju iaitu jumlah majoriti seramai 28 orang bersamaan dengan (93.3%). Item ini mendapat jumlah min yang tertinggi kerana responden tahu dan faham apa kesan pergaulan bebas apabila tidak dibendung. Manakala, min kedua tertinggi adalah pada item yang keempat “Pergaulan ialah bercampur antara lelaki dan perempuan yang ajnabi (yang boleh berkahwin)” iaitu sebanyak 4.90. Pada item ini juga majoriti responden memilih setuju. Responden yang menyatakan setuju adalah hanya 3 orang bersamaan dengan (10.0%) dan selebihnya menyatakan sangat setuju iaitu jumlah majoriti seramai 27 orang bersamaan dengan (90.0%). Seterusnya, min ketiga tertinggi adalah item pertama “Saya tahu tentang batasan pergaulan dalam Islam” iaitu pada 4.77. Pada item ini, terdapat responden yang memilih tidak pasti dan selainnya memilih setuju dan sangat setuju. Tiada responden yang memilih tidak setuju dan sangat tidak setuju. Responden yang memilih tidak pasti adalah hanya 2 orang bersamaan dengan (6.7%), responden yang memilih setuju pula hanya 3 orang bersamaan dengan (10.0%) dan selebihnya ialah responden yang memilih sangat setuju iaitu seramai 25 orang bersamaan dengan (83.3%).

Min kedua terendah adalah pada item ketiga “Saya tahu tentang batasan pergaulan melalui buku-buku atau internet” iaitu pada 4.10. Terdapat 4 orang bersamaan dengan (13.3%) responden yang memilih tidak setuju, 2 orang bersamaan dengan (6.7%) responden memilih tidak pasti, 11 orang bersamaan dengan (36.7%) memilih setuju dan 13 orang responden bersamaan dengan (43.3%) yang memilih sangat setuju. Seterusnya, min yang paling rendah adalah pada item ketujuh “Saya menjaga batasan pergaulan dengan menundukkan pandangan” iaitu pada 4.03. Hanya 2 orang sahaja bersamaan dengan (6.7%) yang tidak setuju dengan item ini, 5 orang bersamaan (16.7%) memilih tidak pasti, 13 orang bersamaan dengan (43.3%) memilih setuju dan selebihnya 10 orang bersamaan dengan (33.3%) memilih sangat setuju dengan item ketujuh ini. Item ini mendapat jumlah min yang terendah kerana mungkin responden tidak tahu ataupun tidak pernah tahu bahawa menundukkan pandangan adalah salah satu daripada cara untuk menjaga batasan pergaulan. Jadi, analisis kefahaman pekerja terhadap batasan pergaulan menurut Islam ini keseluruhannya mereka setuju dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan dan hanya beberapa orang sahaja yang tidak setuju.

## KESIMPULAN

Batasan pergaulan ini amatlah penting dan mestilah dipelihara dengan baik dan betul. Janganlah sewenang-wenangnya mengambil mudah akan hal seperti batas pergaulan. Hal ini kerana apabila tidak dijaga akan batas pergaulan ini, maka timbullah perkara yang tidak diingini berlaku seperti pergaulan bebas. Isu pergaulan bebas semakin berleluasa di muka bumi ini. Hal ini berlaku kerana sikap masyarakat yang tidak mengambil berat dan memandang mudah terhadap batas pergaulan. Kesan pergaulan bebas adalah sangat berat seperti lahirnya anak luar nikah, gangguan seksual, kes pembuangan bayi dan lain-lain. Implikasi kajian ini dapat memberi pendedahan ilmu tentang batasan pergaulan menurut Islam dan dapat memberikan lebih kefahaman mengenai batasan pergaulan menurut Islam. Pekerja-pekerja haruslah menjaga batasan pergaulan masing-masing demi mengelakkan daripada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ainul Bashirah Ismail. 2012. *Tahap kefahaman masyarakat terhadap kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan di Daerah Kerian*. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2018. *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Penyelidikan Islam*. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ministry of Health Malaysia, HIV/STI Section, Disease Control Division. 2016. *Global AIDS response progress report Malaysia 2016*. Putrajaya: Ministry of Health.

Nazirah Kamal Basah. 2015. *Pendekatan Spritual Islam Dalam Menangani Gejala Hamil LuarNikah Di Sekolah Harapan Negeri Melaka*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Syahidah Abdul Jalil. 2012. *Menangani Zina dan Pembuangan Bayi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Salasiah Hanin Hamjah. 2017. *Faktor Zina Dan Kesannya Dalam Kehidupan Remaja*. Jurnal Sains Insani. Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Malaysia.

Sofiah Samsudin. 2013. *Ikhtilat dan tabarruj: kajian terhadap prinsip dan disiplin surah al-Nur dan al-Ahzab*. Universiti Sains Islam Malaysia. USIM, Nilai. Negeri Sembilan.